

Video: PopCap Membuat Kejutan kepada Peminat Dengan Mengeluarkan Bejeweled Twist(TM)

DUBLIN, 27 Okt. /PRNewswire-AsiaNet/ --

#1 Permainan Teka-Teki Yang Terbaik pada Abad ini Merevolusikan Keseronokan dengan satu Cara Baru yang Pintar untuk Bermain

PopCap Games, pemaju dan penerbit yang terkemuka bagi permainan video kasual, hari ini memperkenalkan satu inovasi yang sangat menarik di dalam francais keluaran utama mereka Bejeweled(R). Bejeweled Twist(TM), tajuk Bejeweled yang baru dalam tempoh hampir empat tahun, meletakkan putaran yang sama sekali baru kepada permainan teka teki yang sangat laris itu yang kali pertama dikeluarkan oleh PopCap lapan tahun lalu. Dengan mencirikan satu gaya permainan baru yang berevolusi dan nilai-nilai produksi yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana permainan kasual yang lain, Bejeweled Twist kini boleh dimiliki bagi komputer peribadi melalui muat turun secara dalam talian di www.popcap.com/games/bejeweledtwist.

Untuk melihat Siaran Media berbentuk Multimedia, sila layari <http://www.prnewswire.com/mnr/popcap/35519>

Rakan-rakan portal termasuk MSN Games, ORB, RealArcade/Zylom, Steam.com, Telstra, dan WildTangent akan menawarkan permainan itu pada 18 November. Pada tarikh yang lama versi bahasa tempatan bagi Bejeweled Twist akan dapat diperolehi melalui laman web antarabangsa PopCap dan rakan portal Eropah yang lain. Juga pada 18 November, Bejeweled Twist akan berada di rak-rak di rangkaian runcit yang terkemuka di Amerika Utara termasuk Best Buy, Wal-Mart, dan Target. Bejeweled Twist dijadual berada di pasaran Eropah pada tahun 2009.

Bejeweled adalah francais permainan kasual yang paling popular pada abad ke-21 ini, dengan lebih daripada 350 juta salinan dimuat turun dan lebih 25 juta unit dijual. Dan Bejeweled Twist kini sudah dapat menawan hati para peminat Bejeweled dan Bejeweled 2: "Tidak syak lagi ini adalah permainan video kasual yang paling utama di dunia," kata Cindy Robertson, yang menulis, menerbitkan dan menjual panduan strategi bagi Bejeweled 2 di bawah nama pena Julia Gemstone. "PopCap telah sekali lagi meraih kejayaan, dengan mengambil satu konsep yang terlalu mudah dan mengubahnya menjadi satu pengalaman yang mempesonakan yang boleh menyebabkan anda menjadi relaks, tercabar, teruja mahupun memerah otak untuk menggunakan strategi, bergantung kepada perasaan anda pada ketika itu. Dengan begitu banyak cara untuk bermain, Bejeweled Twist menawarkan beribu-ribu jam keseronokan bagi sesiapa jua. Sekiranya Bejeweled itu diibaratkan sebagai coklat panas, Bejeweled Twist adalah merupakan mocha latte berganda!"

"Ia mengambil lebih banyak masa, lebih banyak wang dan lebih banyak orang berbanding Bejeweled yang asal, tetapi kami berpendapat bahawa ia amat berbaloi bagi setiap titik peluh dan keringat yang dikeluarkan," kata Jason Kapalka, ketua pegawai kreatif dan pengasas bersama PopCap, dan pencipta bersama bagi kesemua tiga tajuk Bejeweled itu. "Kami telah berjanji pada diri kami sendiri bahawa kami akan menghasilkan sesuatu yang baru untuk 'Bejeweled yang seterusnya' dan kami telah melalui sekurang-kurangnya seratus idea sebelum mengambil keputusan pada 'putaran mekanik' di dalam permainan baru itu. Seterusnya ia adalah mengenai persoalan untuk menjadikan mekanik itu menyeronokkan dan intuitif, dan ia mengambil masa yang lama untuk menggodek-godek dan memikirkan cara yang terbaik. Namun kami sangat berpuas hati dengan hasilnya. Kami percaya bahawa permainan baru itu akan dapat diterima dengan serta merta oleh para peminat Bejeweled, dan dapat diakses

dengan mudah oleh pemain-pemain baru seperti mana permainan asal itu, tetapi membenarkan lebih banyak kelenturan dan kebebasan dalam cara bermain. Oleh itu ia dapat menyediakan satu permainan yang penuh mencabar bagi mereka yang menikmati permainan strategi, aksi pantas bagi mereka yang mempunyai keghairahan bagi aksi menarik, dan pengalaman yang lebih relaks bagi mereka yang sekadar mahu berehat seketika daripada stres.

Bejeweled Twist mengetepikan halangan permainan perlawanan-3 yang tradisional. Berbanding dengan menukar batu permata yang bersebelahan untuk menjadikannya satu set, para pemain memutarakan keseluruhan blok 2x2 batu permata itu secara arah ikut jam dalam usaha untuk mewujudkan satu barisan terdiri daripada tiga atau lebih batu permata daripada jenis yang sama. Seterusnya, dalam Bejeweled Twist para pemain tidak perlu membuat padanan dengan setiap langkah - sebaliknya mereka boleh dengan bebas memutarakan batu permata itu di mana-mana sahaja pada papan itu, sekali gus membenarkan kebebasan pergerakan dan meningkatkan kebebasan strategik untuk merancang kombinasi dan rantaian.

Ciri-ciri Baru bagi Bejeweled Twist:

Hampir semua aspek dalam Bejeweled Twist adalah baru dan berlainan daripada ciri-ciri Bejeweled yang sebelum ini, termasuk:

- Visual dan kesan audio yang menakjubkan - nilai-nilai produksi paling tinggi - daripada imejan berdefinisi tinggi kepada kesan audio yang tidak ketara dan runut bunyi yang dicipta khas dan direka bentuk untuk meningkatkan keempat-empat mod permainan bagi Bejeweled Twist
- Kepuasan yang tiada had - perlawanan semula serta merta dan pelbagai bonus kepada statistik dan kedudukan
- Permainan yang mendalam - lebih banyak anda bermain, lebih banyak cara baru yang akan anda temui untuk memainkan permainan itu
- Semua elemen baru - jenis-jenis batu permata, halangan, cabaran, dan mod permainan yang baru (lihat butiran tambahan di bawah)

Batu Permata Khas Yang Baru:

- Batu Permata berapi diwujudkan dengan memadankan empat batu permata daripada jenis yang sama secara sekaligus. Apabila dipadankan dengan batu permata yang mempunyai warna yang sama, batu permata itu akan meletup.
- Batu permata kilat diwujudkan dengan memadankan lima batu permata daripada jenis yang sama. Apabila dipadankan, ia akan menghasilkan ledakan yang memusnahkan dalam empat arah berlainan secara sekaligus.
- Batu permata buah amat jarang berlaku tetapi merupakan batu permata yang berkuasa yang hanya boleh diwujudkan dengan melakukan banyak padanan yang berurutan untuk memaksimumkan meter rantaian itu. Apabila meter rantaian itu mencapai kemuncaknya, satu batu permata pada grid itu akan berubah menjadi batu permata Buah yang istimewa, yang apabila dipadankan, ia mampu mengewap kesemua batu permata yang mempunyai warna yang sama.

Halangan Baru:

- Batu permata bom: Ia muncul di peringkat kemudian dalam permainan itu dan membuat pengiraan dengan setiap langkah yang anda lakukan. Hapuskan mereka melalui cara memadankan atau letupan bersebelahan daripada batu pertama Api atau Kilat sebelum mereka mencapai angka sifar; jika tidak, hanya dengan melucutkan senjata secara 'spinner' pada saat-saat akhir dapat menyelamatkan anda.
- Batu Permata Yang Terkunci: Batu permata yang terkunci masih boleh dipadankan, tetapi ia tidak boleh digerakkan. Bebaskan mereka dengan memadankannya dengan warna yang sama dan batu permata istimewa.
- Arang Batu: Batu-baru yang tidak bergerak ini boleh menjejaskan keupayaan

anda untuk memadamkan batu permata, tetapi ia menghasilkan satu kejutan apabila anda membukanya dengan menggunakan batu permata Api atau Kilat!

Cara Permainan:

Bejeweled Twist mempunyai empat mod atau cara permainan: Cara Klasik dan Zen diperolehi daripada peringkat permulaan, dan anda akan membuka kunci kepada cara yang lain ketika anda semakin mara:

- Klasik: Versi penting bagi permainan itu, Klasik menawarkan ciri-ciri batu permata Bom yang akan menghasilkan peledakan yang boleh membawa maut dalam permainan itu. Anda perlu membersihkannya sebelum batu permata itu jatuh kepada sifar jika tidak mahu permainan itu berakhir!

- Zen: Anda benar-benar tidak boleh kalah dalam varian bentuk bebas ini yang sedikit sebanyak adalah lebih berupa satu permainan yang berbentuk bersantai berbanding teka teki. Terokai berdozen-dozen dunia asing ketika anda mempergunakan kemahiran memadamkan batu permata tanpa tekanan daripada segi halangan mahupun had masa.

- Blitz: Mod yang mempunyai had masa itu adalah sesuai bagi pemain arked tegar dan mereka yang hanya mempunyai beberapa minit masa kelapangan. Anda hanya mempunyai lima minit untuk memaksimumkan jumlah mata anda di dalam varian berbentuk aksi kejohanan ini.

- Cabaran: Untuk pengalaman yang lebih berunsur intelektual, Mod Cabaran menawarkan satu dozen dunia teka teki yang berlainan, setiap satu dengan tujuh peringkat kesukaran dan peringkat akhir yang terbatas. Mod ini adalah bagi mereka yang serius dalam menyelesaikan masalah.

Daripada Komputer Peribadi dan Mac, konsol PlayStation dan Xbox kepada telefon mudah alih, PDA, iPod dan iPhone, Bejeweled boleh diperolehi bagi lebih daripada satu dozen peranti dan platform dan ia adalah permainan kasual yang paling popular pada abad ke-21 ini. Lebih daripada 350 juta salinan Bejeweled/Bejeweled 2 telah dimuat turun daripada Web, yang mencakupi hampir satu pertiga daripada 1 bilion lebih muat turun bagi kesemua tajuk PopCap(R). Berpuluh juta salinan Bejeweled telah dipasangkan pada telefon mudah alih di seluruh dunia, dan lebih daripada 250 juta unit permainan itu dijual merentasi semua platform, yang mencakupi lebih \$300 juta dalam perbelanjaan pengguna dalam sejarah permainan itu. Francais Bejeweled telah dinikmati bagi lebih daripada 6 bilion jam oleh pengguna di seluruh dunia, tanpa diketahui penghujungnya.

Maklumat mengenai PopCap

PopCap Games (<http://www.popcap.com>) adalah merupakan pembekal pelbagai platform yang terkemuka bagi "permainan kasual" - permainan komputer yang seronok, mudah untuk dipelajari dan mengasyikkan yang diminati oleh setiap lapisan manusia dari peringkat umur antara 6 tahun hingga 106 tahun. Berpangkalan di Seattle, Washington, PopCap ditubuhkan pada tahun 2000 dan mempunyai lebih 200 orang pekerja di beberapa tempat di dunia, antaranya di Seattle, San Francisco, Chicago, Vancouver, B.C., Dublin, Ireland dan Shanghai. Permainannya yang tidak lapuk itu telah dimuat turun lebih daripada satu bilion kali oleh para pengguna di seluruh pelusuk dunia, dan tajuk utama mereka, Bejeweled(R), telah dijual lebih daripada 25 juta unit merentasi semua platform. Seringkali mendapat pengiktirafan daripada kalangan pengguna dan para pengkritik, permainan PopCap dimainkan di Web, komputer meja, peranti mudah alih myriad (telefon bimbit, telefon pintar, PDA, PC Poket, iPod dan lebih banyak lagi), konsol permainan popular (seperti Xbox), dan sistem hiburan dalam penerbangan. PopCap adalah satu-satunya pemaju permainan kasual yang menguasai pasaran merentasi semua saluran jualan yang utama, termasuk portal Web, kedai runcit, konsol, telefon mudah alih dan alat permainan MP3.

Logo PopCap dan semua cap dagang lain yang digunakan di sini dan yang disenaraikan di <http://www.popcap.com/trademarks> adalah dimiliki oleh PopCap Games, Inc. atau pemegang lesen mereka dan turut juga didaftarkan di beberapa negara lain. Syarikat dan nama produk lain yang digunakan di sini adalah merupakan cap dagang bagi pemilik mereka masing-masing dan digunakan bagi manfaat pemilik terbabit.

Sumber: PopCap Games

HUBUNGI: Hubungan PR Antarabangsa
Cathy Orr, PopCap,
corr@popcap.com,
+343-1-646-8107

Laman web: <http://www.popcap.com/games/bejeweledtwist>
<http://www.popcap.com>

Video: <http://www.prnewswire.com/mnr/popcap/35519>